



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

PANDUAN PENYEDIAAN SIARAN DAN KENYATAAN MEDIA

TUJUAN

1. Panduan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai penyediaan dan penerbitan Siaran dan Kenyataan Media di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang tepat dan lengkap.

TAFSIRAN

2. Bagi tujuan Panduan ini:
 - a) **“Siaran Media”** bermaksud suatu penulisan ringkas yang padat bagi menyampaikan maklumat berkaitan aktiviti, perkhidmatan, produk, pencapaian, individu dan lain-lain yang mempunyai nilai berita dan menarik untuk sebaran media.
 - b) Siaran Media juga dijadikan sebagai panduan kepada media bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih. (*Manual Perhubungan Awam*, m.s 5)
 - c) **“Kenyataan Media”** bermaksud suatu kenyataan kepada orang awam untuk memberi penerangan tentang program atau isu bagi mendapatkan sokongan masyarakat.
 - d) Kenyataan Media juga digunakan bagi membetulkan salah liputan dan tanggapan serta memberi penjelasan atau pencerahan situasi sebenar dalam pengurusan krisis. (*Manual Perhubungan Awam*, m.s 6)

SKOP

3. Memastikan Siaran dan Kenyataan Media disalurkan kepada orang awam supaya mengetahui perkembangan dan inisiatif yang sedang dan telah dilaksanakan Kerajaan.

JUSTIFIKASI

4. Siaran Media

- a) Penggunaan dan pemilihan kategori SIARAN MEDIA adalah berdasarkan maklumat yang diterbitkan seperti berikut:
- Program / aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi;
 - Pemakluman inisiatif yang telah dijalankan oleh Kementerian/Jabatan/agensi;
 - Kata Kunci (Keyword) untuk Siaran Media ialah: PEMAKLUMAN, PEMBERITAHUAN.

5. Kenyataan Media

- a) Penggunaan dan pemilihan kategori KENYATAAN MEDIA berdasarkan perkara berikut:
- Penegasan kepada suatu maklumat yang ingin diperjelaskan oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian/ Jabatan / Agensi;
 - Penerangan bagi menjawab dan menjelaskan isu melibatkan Kementerian/Jabatan/Agensi;
 - Kenyataan maklum balas media terutama bagi isu yang ditimbulkan oleh media;
 - Kebiasaannya menggunakan petikan 'Saya' yang mewakili Pengurusan Tertinggi;
 - Kata Kunci (Keyword) untuk Kenyataan Media ialah: PENEKASAN, PENJELASAN.

STRUKTUR

6. Proses penyediaan Siaran atau pun Kenyataan Media haruslah mempunyai struktur seperti berikut:
- i. Kepala surat yang mengandungi nama Kementerian/Jabatan/Agensi, butiran perhubungan seperti nombor telefon/faksimili, e-mel dan alamat laman sesawang;
 - ii. SIARAN MEDIA / (PRESS RELEASE) dalam huruf besar dan dihitamkan;
 - iii. Tajuk hendaklah ditulis dalam huruf besar dan dihitamkan (ringkas dan menarik perhatian);
 - iv. Kandungan Siaran Media kebiasaannya mengandungi jawapan kepada soalan 5W, 1H;
 - (Who (siapa), What (apa), Where (di mana), When (bila) dan Why (kenapa) serta How (bagaimana) mengikut kesesuaian acara.)

- v. Maklumat dalam perenggan ini mesti berbentuk informatif yang boleh menarik perhatian media;
- vi. Cadangan susunan kandungan Siaran / Kenyataan media meliputi:
 - a. Apa program / projek yang dilaksanakan
 - b. Siapa & manfaat yang diterima / Tujuan program
 - c. Bila & Kenapa dilaksanakan
 - d. Tindakan Kementerian / Jabatan
 - e. Isi tambahan (manfaat)
 - f. Latar belakang program / projek (sejak bila)
 - g. Jenis-jenis usaha/langkah yang dilaksanakan
- vii. Menyediakan maklumat pegawai perhubungan dengan jelas seperti nama, nombor telefon dan e-mel, sekiranya pihak media ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan program;
- viii. Menyediakan versi dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mengikut kesesuaian acara;
- ix. Gambar dan siaran media harus diletakkan di dalam fail Google link yang berasingan sebelum e-mel dihantar kepada pihak media bagi memastikan kualiti gambar tidak terjejas;
- x. Menyatakan tarikh dan masa bagi EMBARGO (jika berkaitan);
- xi. Menyatakan sumber atau nama pegawai yang bertanggungjawab terhadap sesuatu program dalam siaran media tersebut (jika perlu); dan
- xii. Siaran Media boleh dihantar melalui e-mel, WhatsApp dan QR Code dengan disertakan bersama Kit Media (Press Kit).

PROSEDUR

7. Bagi penyediaan Siaran atau Kenyataan Media di bawah NRECC, berikut merupakan prosedur am yang perlu dilaksanakan:
 - i. Menenal pasti isu yang dibangkitkan media / penganjuran program Jabatan/Agensi;
 - ii. Mendapatkan maklumat daripada Jabatan/Agensi/Bahagian;
 - iii. Merangka draf Siaran atau Kenyataan Media daripada maklumat yang diberikan/diterima;

- iv. Mengemukakan draf lengkap daripada Jabatan/ Agensi kepada Bahagian untuk semakan dan kelulusan TSUB (SUB K);
- v. Mengemukakan draf tersebut kepada KUKK NRECC sebelum diangkat kepada YBM melalui KSU dan TKSU, salinan kepada SUSK dan SUA;
- vi. Membuat edaran Siaran / Kenyataan Media yang telah diluluskan kepada media oleh UKK Jabatan/Agensi sekiranya melibatkan Kenyataan oleh Ketua Jabatan;
- vii. Melakukan pemantauan media untuk carian liputan Siaran/Kenyataan Media; dan
- viii. Mengumpul dan mengedar semua liputan berita yang diterima kepada Pengurusan.

8. Bagi Siaran Media / Kenyataan Media daripada Ketua Pengarah Jabatan / CEO Agensi

- i. Tidak perlu melalui UKK tetapi perlu memaklumkan kepada KSU dan TKSU.



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

PROJEK PENGAWALAN HAKISAN PANTAI DI PANTAI TOK JEMBAL, KUALA TERENGGANU (FASA 2) BERI MANFAAT JANGKA PANJANG

Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu (Fasa 2) melibatkan peruntukan berjumlah RM73.5 juta memberi manfaat dan perlindungan jangka panjang kepada penduduk dan para nelayan di kawasan itu.

Ia sekaligus melindungi kemudahan dan infrastruktur awam daripada pukulan ombak dan hakisan pantai.

Projek di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu telah dimulakan sejak 2010, siap sepenuhnya pada 24 Julai 2019.

Projek itu dilaksanakan susulan keadaan pantai yang mengalami hakisan terutama ketika musim Monsun Timur Laut dan terdedah kepada ombak kuat dengan ketinggian maksimum sehingga tiga (3) meter sekitar November hingga Mac.

Hakisan semakin kritikal selepas tahun 2010 berikutan terdapat pembangunan dan penebusgunaan tanah pesisir pantai dengan kehilangan kawasan pantai selebar 60m setiap tahun.

Justeru, kementerian mengambil langkah segera bagi mengawal dan melindungi pengunduran garis pantai daripada terus terhakis.

Usaha ini juga merupakan salah satu projek jangka panjang yang memberi manfaat kepada kawasan sekitar yang terjejas teruk iaitu Kampung Tok Jembal, Kampung Tanjung Gelam dan Kampung Kubang Badak.

Projek tawaran semula di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan melangkaui ke Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) itu, meliputi pembinaan lima (5) buah pemecah ombak (*offshore breakwater*), pembinaan sebuah *terminal groyne* sepanjang 180 meter,; pembinaan dua (2) struktur lapis lindung (*revetment*) sepanjang 750 meter; pembinaan satu (1) *training wall* sepanjang 50 meter; kerja penyuburan pasir pantai (*beach nourishment*) dan kerja-kerja *landskap*.

Selain turut memulihkan jajaran pantai sepanjang 4.4 kilometer yang terhakis, ia juga menghasilkan pertambahan kawasan lapang pantai dari 0 meter padu kepada 200,000 meter padu. Bilangan premis perniagaan dan kemudahan awam turut bertambah sebanyak 85% berbanding pada tahun 2010, selain, 60.9 hektar harta benda dan kemudahan awam telah dilindungi.

Pantai Tok Jembal terletak di dalam daerah Kuala Nerus merupakan pantai yang padat dengan kawasan penempatan dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur awam.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

30 JANUARI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763





KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

KOMITMEN KEMENTERIAN NRECC MENANGANI PERUBAHAN IKLIM

Saya amatlah memahami keperluan terdesak menangani isu perubahan iklim yang ditekankan lagi akibat bencana banjir yang sudah menjadi kejadian tahunan. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) akan memberi fokus sepenuhnya kepada perkara ini dan akan terus mendepani usaha untuk mencari penyelesaian kepada isu yang membelenggu masa depan Malaysia ini.

Kementerian sememangnya sentiasa mengutamakan isu perubahan iklim, yang terbukti bukan sahaja melalui misinya, tetapi juga dengan cadangan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk membentuk satu Jawatankuasa Khas Perubahan Iklim dan Biodiversiti yang telah dibuat pada 4 Ogos 2022.

Pembentukan sebuah Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menangani perubahan iklim juga merupakan bukti bahawa kerajaan ini sudah pun mengambil langkah segera dan positif ke arah mencorak masa depan yang lebih mampan.

Dalam pada itu, NRECC pada 19 Disember 2022 juga telah mencadangkan kepada Speaker Dewan Rakyat, pembentukan satu Jawatankuasa Pilihan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Matlamat utama Jawatankuasa Pilihan ini adalah untuk membantu kerajaan dalam mengesyorkan dasar yang jelas serta mengenal pasti kaedah-kaedah mitigasi terhadap perubahan iklim.

Kita sudah tidak boleh bergerak seperti biasa. Percayalah bahawa kami akan memperhalusi setiap komitmen kerajaan secara terperinci untuk memerangi perubahan iklim serta impaknya yang dahsyat.

Pada masa yang sama, untuk krisis yang sedang melanda negara ini, NRECC akan berusaha sedaya upaya untuk menjalankan tanggungjawab memberi bantuan bencana banjir, seperti amaran awal melalui MET Malaysia dan Jabatan Pengairan Saliran (JPS).

Kami akan terus menyokong dan membantu mengikut keperluan, setiap usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia serta agensi berkaitan. Kerajaan Persekutuan sedang mengambil langkah proaktif untuk membantu rakyat dan akan meningkatkan lagi respon sekiranya perlu.

YB NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

24 DISEMBER 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

